

# Lahir pakar pengurusan ladang

info.

➔ Pelajar Pengurusan Perladangan UPM jalani latihan industri selama dua tahun di KOSMA, Muadzam Shah

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
khairul.anam@bh.com.my

➔ Serdang

Industri kelapa sawit dijangka menyumbang sebanyak RM231 bilion kepada pendapatan negara kasar (PNK) Malaysia menjelang tahun 2020.

Menyedari kepentingan untuk memenuhi jangkaan itu, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, menggalakkan pelajar untuk mengikuti program baharunya, Sarjana Muda Sains Pengurusan Perladangan,



“Kami mahu pastikan graduan yang dilahirkan kelak adalah mereka yang holistik dan berkemahiran tinggi dalam aspek pengurusan ladang”

Prof Dr Abdul Shukor  
Dekan Fakulti Pertanian UPM

bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang berkenaan.

Dekan Fakulti itu, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, berkata program selama empat tahun itu akan menjalankan program Dua Universiti + Dua Industri (2U2I) selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Beliau berkata, antara objektif program itu untuk melahirkan graduan yang boleh menjalankan penanaman tanaman perladangan secara teknikal dan beretika, di samping membangunkan sumber manusia untuk meningkatkan hasil perladangan secara lestari.

pelajar selama dua tahun di dalam industri.

“Permintaan untuk graduan yang mampu bertugas dalam pengurusan ladang ketika ini adalah tinggi seiring perkembangan ladang negara yang kini mencecah enam juta hektar,” katanya kepada BH SKOR, baru-baru ini.

Selain itu, Prof Shukor berkata, pihaknya juga bekerjasama erat dengan pihak industri untuk membentuk kurikulum berasaskan persekitaran pekerjaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

“Program 2I akan dilaksana bermula September ini dan penilaian akan dilakukan secara berterusan.

“Harapan saya supaya pelajar ini mampu menguruskan sesebuah ladang secara lestari dan mampan, sekali gus memastikan keseimbangan alam sekitar terus terpelihara,” katanya.

## Sarjana Muda Sains Pengurusan Perladangan

➔ Kurikulum program: 123 jam kredit merangkumi 69 jam kredit 2U dan 54 jam kredit 2I

➔ Skema pengajian: semester satu hingga empat (kursus teras)

➔ semester lima (perancangan dan pengurusan penanaman)

➔ semester enam (pengurusan perladangan)

➔ semester tujuh (pengurusan sumber manusia)

➔ semester lapan (latihan industri)

➔ Lokasi latihan industri: Ladang Koperasi Serbausaha Makmur Bhd (KOSMA), Muadzam Shah, Pahang

## Kebolehpasaran graduan

“Bagi menjayakan program 2U2I ini, kami sudah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan ISP Management Sdn Bhd (ISPM) untuk menempatkan



Prof Dr Abdul Shukor (tengah) bersama-sama pelajar dalam sesi kuliah.

## Full A Mark

.com.my

UPSR P13 SPM

Belajar pada bila-bila masa,  
di mana-mana saja



Langganan boleh dibuat secara terus di [www.fullamark.com.my](http://www.fullamark.com.my) atau kunjungi rakan niaga kami:



Panggil Cikgu  
Atas Langganan Terus

Full A Mark  
.com.my

Portal Pendidikan & Aplikasi Mudah Alih  
[www.fullamark.com.my](http://www.fullamark.com.my) 1 800 88 0035

Boleh didapati di  
Ikuti kami di

